

01 OCT 1997

#### CHILE JADI TUAN RUMAH MESYUARAT PECC

Oleh: KC Leong

SANTIAGO, 1 Okt (Bernama) -- Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) membuka mesyuarat agungnya yang ke-12 di sini Selasa, yang pertama kali di Amerika Latin, dan dengan fokus mengenai membina dan memperkukuhkan perkongsian trans-Pasifik.

Mesyuarat itu, yang dihadiri oleh hampir 1,000 peserta, dibuka oleh Presiden Chile Eduardo Frei. Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang membuat lawatan rasmi tiga hari ke negara ini dan yang akan berucap kepada para peserta pada satu malam gala Selasa.

Pengerusi PECC Edgardo Boeninger berkata penganjuran mesyuarat agung PECC itu di Chile adalah satu langkah penting dalam proses menyatukan Amerika Latin ke dalam rantau Asia-Pasifik.

Tambahnya di dalam ucapan alu-aluannya bahawa tema mesyuarat itu, "Perkongsian Trans-Pasifik: melaksanakan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan", telah dipilih dengan tepat untuk memberinya fokus tersebut.

Para peserta seberang laut seramai 600 orang, terdiri daripada ahli-ahli akademik, perniagaan dan pegawai kerajaan, akan mempunyai peluang yang unik untuk mendapat pandangan dekat pembangunan Amerika Latin, terutamanya potensinya sebagai pasaran lebih daripada 300 juta penduduk.

Di kalangan perwakilan Malaysia ialah Ketua Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sopiee, yang juga pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kerjasama Ekonomi Pasifik Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang sepatutnya menyertai di dalam panel perbincangan peringkat menteri mengenai Asia Pasifik menjelang tahun 2010/2020 tidak dapat hadir.

Antara tajuk yang akna dibincang pada mesyuarat itu ialah peranan Amerika Latin di dalam perkongsian transpasifik, sumbangan Asia Pasifik kepada kemakmuran sedunia dan strategi korporat dan peluang-peluang pelaburan di rantau ini.

Sidang pleno juga akan dikhaskan untuk membincangkan sektor perkhidmatan, mengurangkan kos berniaga, industri galian, pembangunan pasaran kewangan, makanan dan pertanian dan peluang-peluang perniagaan di Amerika Latin.

Tajuk terakhir mencerminkan usaha-usaha Chile untuk meluaskan perkongsian transpasifik melampaui definisi Lingkaran Pasifiknya untuk memberikan PECC dimensi Amerika Latin yang lebih kukuh.

Turut diundang menyertai mesyuarat itu ialah Argentina dan Brazil di mana menteri-menteri perdagangan Amerika Latin akan berbincang di dalam panel perbincangan. Presiden Brazil Fernando Henrique Cardoso adalah juga seorang pengucap utama selain daripada Dr Mahathir.

"Kami sesungguhnya percaya bahawa kedua-dua rantau (Asia Pasifik dan Amerika Latin) mestilah saling merapati, meningkatkan perdagangana dan rantaian pelaburan mereka, mempertingkatkan persefahaman, mengujudkan hubungan kebudayaan dan mempelajari lebih banyak mengenai dan daripada satu sama lain," Boeninger berkata pada pembukaan hari ini.

Beliau juga menyeru forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) supaya bergerak daripada perkataan kepada perbuatan dengan mengambil langkah-langkah untuk semakin merapatkan kepada matlamat deklarasi Bogor yang ditetapkan di dalam tahun 1994 apabila Indonesia mengadakan sidang kemuncak kedua para pemimpin APEC.

Beliau menambah kata bahawa sungguhpun APEC telah bergerak dengan mantap ke hadapan di dalam komitmen politiknya, "Saya rasa kita hampir ke

akhir peringkat apa yang para pemimpin boleh capai di dalam bidang ini."

Itulah kenapa, katanya, majoriti daripada panel mesyuarat itu, sidang pleno dan serentak dengannya dikhaskan untuk membincangkan realiti, perubahan dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh rantau Asia-Pasifik hari ini. -- BERNAMA

LKC MR OS